

**TERAPAN KONSEP FEMINISME TALBIAH DALAM
CERPEN AKAR CINTA KARYA AMINAH MOKHTAR**
**THE CONCEPT OF TALBIAH FEMINISM IN THE SHORT STORY
AKAR CINTA BY AMINAH MOKHTAR**

Ida Roziana bt Abdullah & Abdul Halim Ali*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
* idaroziana3631@gmail.com

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar. Analisis ini dilakukan berdasarkan Konsep Feminisme Talbiah. Konsep Feminisme Talbiah adalah satu konsep yang dibangunkan bagi memperjelaskan konsep feminism yang lebih sesuai dengan wanita Melayu Islam berbanding dengan konsep Feminisme Ginokritik. Konsep Feminisme Talbiah menggabungkan idea Ginokritik oleh Elaine Showalter dengan idea Yusuf al-Qardhawi berkait dengan kedudukan wanita dalam Islam. Konsep Feminisme Talbiah memfokuskan kepada aspek kepatuhan dan penyerahan wanita kepada Allah SWT baik dari sudut luarannya maupun dalaman. Aspek luaran wanita terdiri daripada personaliti, ketakwaan dan budaya manakala aspek dalaman pula terdiri daripada psikologi dan kerohanian. Dapatkan analisis ini menunjukkan aspek-aspek luaran watak wanita ‘Aku’ sejarah dengan kriteria wanita talbiah yang patuh dan menyerah diri

kepada Allah SWT dalam setiap tindakan berlandaskan hukum Islam, mempertahankan kesucian agama Islam, tetap pendirian serta tidak memandang serong kepada individu yang melakukan kesilapan. Dari sudut dalaman pula, watak ‘Aku’ digambarkan mempunyai kekuatan rohani serta memiliki peribadi yang cemerlang sebagai manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Ini terbukti apabila watak ‘Aku’ menjadikan syariat dan hukum-hakam Islam sebagai perjuangan untuk menangani kemungkaran yang menular dalam kalangan umat Islam. Watak ‘Aku’ dapat dirumuskan sebagai ikon wanita Melayu Islam yang bersifat talbiah dari sudut luaran dan dalaman kepada Allah SWT dalam semua tindak tanduknya.

Kata Kunci: Feminisme Talbiah, tauhid, aspek luaran, aspek dalaman

ABSTRACT

The objective of this study is to analyze the characterisations of Muslim Malay women in the short story titled ‘Akar Cinta’ by Aminah Mokhtar. This analysis is based on the concept of Feminism Talbiah. The concept of Feminism Talbiah was developed to illustrate the concept of feminism that is more aligned to the Islamic Malay women as compared to the Gynocritic concept. The Feminism Talbiah concept combines the Gynocritic idea by Elaine Showalter with the idea of Yusuf al-Qardhawi in relation to women in Islam. Feminism Talbiah focuses on the aspect of adherence and submission of women to Allah SWT both from the external and internal aspects. The external aspects of women consist of personality, piety and culture while the inward aspect consists of psychology and spirituality. The findings of this analysis show that the external aspects of the female character ‘Aku’ are in line with the criteria of obedient talbiah women and surrender to Allah SWT in every action based on Islamic law, defending the purity of

Islam, and not condemning individuals who make mistakes. From the internal point of view, the character of "Aku" is characterized by spiritual strength with a good personality as a believer and devout man of God. This is evident when the character of 'Aku' applies Islamic laws as a means to deal with deviations among Muslims. The character of "Aku" can be summarized as an icon of an Islamic Malay woman who has the characteristics of talbiah in both the external and internal aspects in her submission to Allah SWT.

Keyword: Feminism Talbiah, tauhid, external aspect, internal aspect

PENGENALAN

Wanita adalah ciptaan Allah SWT yang paling istimewa kerana sifat seseorang wanita yang penuh dengan kelembutan, keayuanan dan kesopanan. Yasmin Hanani Mohd. Safian (Dalam Abd.Rahim Abd.Rashid, 2011:111), wanita ialah makhluk ciptaan Tuhan yang dianugerahkan dengan segala kecantikan dan sifat-sifat tersendiri yang berbeza dengan kaum lelaki. Keistimewaan yang terdapat pada wanita telah menjadikan mereka umpama tiang dalam sesbuah institusi keluarga, masyarakat dan negara kerana wanita menjadi model dalam membentuk sebuah generasi yang cemerlang.

Dari perseptif agama, Islam mengangkat darjah wanita kepada kehormatan, kemajuan dan perlindungan. Dalam hasil kerja Hamidah Sulaiman (dipetik dalam Abd. Rahim Abd. Rashid, 2011: 41-42) mendapati bahawa Islam telah memberi perhatian yang optimum dalam isu pembentukan jati diri wanita dari segi individu, rumah tangga dan sosial agar mereka menjadi wanita yang hebat dan layak menjadi khalifah di muka bumi ini. Kini, wanita semakin mengorak langkah ke hadapan dan kecemerlangan mereka dalam pelbagai lapangan semakin diakui. Kedudukan wanita dalam Islam telah menyangkal pandangan Barat yang memandang rendah kepada wanita

sehingga muncul pergerakan pembebasan wanita atau kesedaran wanita yang bermula di Eropah sejak abad ke-16 lagi kerana wanita menganggap kononnya selama ini mereka telah ditindas, dianiaya dan terpinggir oleh kekuasaan patriakal. Pergerakan feminism telah meluaskan perjuangan mereka dalam bidang pelajaran, politik, kebudayaan, ekonomi, bangsa dan etika. Pergerakan feminism di Barat mempunyai dua tujuan utama, iaitu yang pertama dikaitkan dengan kebebasan dan yang kedua dikaitkan dengan kesamarataan. Akhirnya, perjuangan pergerakan feminism ini membawa kepada dunia sastera dan melahirkan teori sastera dengan berdasarkan idealism feminis.

Dalam bidang kesusasteraan, generasi “pengkritik wanita” ini mula wujud pada tahun 1970-an yang dikenali sebagai *feminist critics*. Kritikan yang paling berpengaruh, berkuasa dan memberi impak kepada kebangkitan feminism adalah kritikan ginokritikan yang dipelopori oleh Elaine Showalter. Wong Soak Koon (1992: 52), Elaine Showalter membahagikan sejarah perkembangan penulisan dan kritikan sastera yang dihasilkan oleh wanita kepada tiga tahap, yang dikaitkan dengan istilah-istilah *feminine*, *feminist* dan *female*. Siti Hajar Che Man (2007: 99-102), Elaine Showalter menggunakan empat model utama untuk melihat keberkesanan ginokritikan diaplikasikan dengan karya sastera, iaitu:- Model 1 : Penulis Wanita dan Biologi Wanita, Model 2 : Penulis Wanita dan Bahasa Wanita, Model 3 : Penulis Wanita dan Psikologi Wanita dan Model 4 : Penulis Wanita dan Budaya Wanita. Ginokritik ialah sejenis kritikan feminis yang eksperimental dan bersifat multibidang, menjurus pada hubungan dalaman wanita itu sendiri dan tidak perlu merujuk kepada pengaruh luar. Hakikatnya, ciri-ciri Ginokritik ialah cuba membebaskan diri daripada ikatan sistem penandaan lelaki. Selain itu juga, ginokritikan lebih membicarakan takrif kewanitaan dan karya yang dihasilkan. Kesimpulannya, sesuatu karya sastera yang ditulis oleh penulis-penulis wanita harus

dikritik oleh wanita juga. Hakikatnya, Ginokritik ini adalah satu usaha untuk memartabatkan penulis-penulis wanita yang melahirkan karya yang feminis serta pengkritik yang bersifat feministik.

Teori Feminisme yang terkenal di Barat membawa fahaman negatif tentang sifat dan peranan wanita dalam masyarakat kerana digambarkan dengan sifat-sifat radikal, liberal, memperjuangkan persamaan hak dan kebebasan serta keterpisahan wanita daripada ikatan agama. Feminsime Barat menyoroti wanita daripada perspektif luaran dan dalaman yang terpisah daripada perspektif agama. Walhal, keberadaan wanita berkait langsung dengan tuntutan agama. Penggunaan kritikan feminis oleh Elaine Showalter, iaitu Ginokritik kerana mempunyai kelompongan dalam empat model yang diketengahkan. Kesesuaian Ginokritik digunakan untuk menganalisis dan mengkritik watak-watak wanita Muslim yang berteraskan kepada cara hidup Islam dan bertunjangkan ketauhidan kepada Allah SWT tentunya ada limitasinya (Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah, 2018:150).

Gabungan antara empat model Ginokritik dengan enam elemen tentang kedudukan wanita Islam oleh Yusuf al-Qardhawi telah melahirkan Konsep Feminisme Talbiah yang memfokuskan Tauhid, iaitu berkonsepkan menyerah diri kepada Allah SWT. Menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010:5) menyatakan konsep Talbiah merupakan penyerahan mutlak kepada Allah SWT. Konsep Talbiah ini telah diterima oleh para sahabat daripada Rasulullah SAW serta diakui oleh ulama. Wanita dalam konteks penciptaannya di sisi agama ialah satu makhluk yang dihiasi dengan sifat tunduk dan menyerah diri (talbiah) kepada perintah Allah SWT dalam semua tindak tanduknya (Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah, 2018:150).

Penyerahan diri kepada Allah SWT ini terkandung dalam kedudukan Tauhid *Rububiyyah*, iaitu Allah SWT tempat berserah. Perkara ini dapat difahami melalui firman Allah SWT dalam Surah *al-An'am*, ayat 6: 71 yang bermaksud: *Katakanlah,*

“Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekeliling alam”. Konsep Talbiah ini turut bertujuan untuk membentuk peribadi wanita Melayu Islam dengan berpandukan al-Quran, al-Sunah, dan Yusuf al-Qardhawi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk menganalisis perwatakan wanita Melayu Islam berasaskan Konsep Feminisme Talbiah dan mengaplikasikan Konsep Feminisme Talbiah terhadap karya-karya prosa Aminah Mokhtar.

METODOLOGI KAJIAN

Konsep Feminisme Talbiah

Konsep Feminisme Talbiah dibina untuk menganalisis keperibadian wanita Islam dengan bertunjangkan al-Quran, al-Sunah serta pendapat ulama, iaitu Yusuf al-Qardhawi. Yusuf al-Qardhawi telah membincangkan tentang wanita dalam enam pandangan seperti; wanita sebagai insan, wanita sebagai perempuan, wanita sebagai ibu, wanita sebagai isteri, wanita sebagai anak dan wanita sebagai anggota masyarakat. Aspek yang terkandung dalam Konsep Feminisme Talbiah ini menepati nilai-nilai budaya yang murni serta nilai-nilai universal Islam yang boleh membina sifat rohaniah manusia yang terdiri daripada nilai agama, nilai sosial, nasionalisme, patriotisme, hormat kepada ibu bapa, ketaatsetiaan, akal budi dan berdaya positif. Nilai-nilai murni tersebut menepati yang terkandung dalam budaya Melayu. Hakikatnya, budaya Melayu pada dasarnya mesti bersangkutan dengan Islam sebagaimana yang menjadi anutan orang Melayu sejak berkurun lamanya.

Percantuman antara Ginokritikan oleh Elaine Showalter dengan Kedudukan Wanita Dalam Islam oleh Yusuf al-Qardhawi telah membentuk aspek luaran Konsep Feminisme Talbiah dan aspek dalaman Konsep Feminisme Talbiah. Percantuman ini bertujuan untuk mengisi kelompangan dalam Kaedah Bacaan Ginokritikan oleh Elaine Showalter kerana terbukti tidak bersesuaian serta berlawanan dengan fizikal serta jiwa wanita Melayu Islam. Kelompangan yang ingin diisi dalam kajian ini adalah dengan memasukkan elemen ketauhidan dalam Konsep Feminisme Talbiah yang bertujuan untuk melahirkan wanita yang Muslimah dan Mukminah.

Konsep Feminisme Talbiah muncul berdasarkan konsep talbiah, iaitu penyerahan diri kepada Allah SWT dengan memfokuskan kepada Tauhid yang menjadi tunggak keimanan umat Islam. Menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010:5), konsep talbiah merupakan penyerahan yang mutlak kepada Allah SWT. Sehubungan itu, dalam kajian ini perwatakan wanita Melayu Islam ingin diterjemahkan dengan memberi gambaran berpegang kepada konsep talbiah yang menunjukkan mereka beriltizam dengan Tauhid yang ikhlas kerana Allah SWT.


Konsep Feminisme Talbiah ini merangkumi dua aspek utama, iaitu aspek luaran dan aspek dalaman.

Aspek luaran terdiri daripada tiga elemen, iaitu:

- personaliti
- ketakwaan
- budaya.

Aspek dalaman pula terdiri daripada dua elemen, iaitu:

- psikologi
- spiritual/kerohanian.



Rajah 1.
 Gabungan Idea Ginokritik oleh Elaine Showalter dengan
 Kedudukan Wanita
 Dalam Islam oleh Yusuf al-Qardhawi.

Semua elemen ini memfokuskan kepada Tauhid kerana dalam Islam, Tauhid merupakan tunjang keimanan dan ketakwaan manusia.

Konsep Talbiah

Talbiah membawa pengertian menyerah diri kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah *al-An'am*, ayat 162-163

yang bermaksud: “*Sesungguhya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam, tiada sekutu bagi-Nya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama-tama menyerah diri (kepada Allah)*”. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010:5), oleh kerana konsep Talbiah merupakan penyerahan yang mutlak kepada Allah SWT, maka lafaznya juga menjurus ke arah itu. Lafaz dan *sighah* Talbiah yang bermaksud: *Aku menyahut Ya Allah seruan-Mu dengan berkali-kali. Tanpa sekutu bagi-Mu. Aku menyahut seruan-Mu. Sesungguhnya segala kepujian, nikmat hanya bagi-Mu. Begitu juga kerajaan milik-Mu dan tiada sekutu bagi-Mu.* Umat Islam menunaikan fardu haji, iaitu menunaikan rukun yang kelima untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan bersandarkan niat yang ikhlas sebagaimana terangkum dalam Talbiah yang merupakan asas bagi penerimaan segala amalan. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010:15), syiar ini menggambarkan keadaan umat Islam daripada beriltizam dengan Tauhid yang ikhlas kerana Allah SWT. Sehubungan itu, apabila mendokong Konsep Talbiah maka seseorang wanita yang beriman mesti berikrar dan berpegang kepada ajaran Tauhid demi meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT. S. Othman Kelantan (1992, ms. 50), prinsip utama yang ditekankan dalam ajaran Islam ialah akidah. Akidah utama ialah tauhid, iaitu meng-Esa-kan Allah; dan kebalikannya ialah syirik, menyekutukan Allah. ‘Ain atau rupa tauhid itu ialah *menyatukan* peribadi supaya tumbuh keutuhan iman yang luar biasa.

Konsep menyerah diri kepada Allah SWT ini merujuk kepada agama Islam sebagai peraturan hidup dan diutuskan Rasul dan kitab sebagai panduan kepada manusia. Rukiah Mohamad (2008:113), Islam adalah suatu agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para Rasul untuk disampaikan kepada manusia dan dijadikan pegangan hidup. Ia adalah agama bagi semua Rasul dan Nabi bermula dari Nabi Adam AS hingga ke Nabi Muhammad SAW. Ini

dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran mengenai penyerahan diri kepada-Nya sebagaimana kata-kata Nabi Nuh AS dalam firman Allah SWT dalam Surah Yunus (10), ayat 72 yang bermaksud: *Dan aku pula diperintahkan supaya menjadi dari golongan orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)*. Selain itu, Nabi Ibrahim AS dan anaknya Ismail AS meminta Allah SWT menjadikan mereka orang Islam seperti firman Allah SWT dalam Surah *al-Baqarah* (2), ayat 128 yang bermaksud: *Wahai Tuhan jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami; umat Islam (yang berserah diri) kepada-Mu*. Nabi Ibrahim AS dan Nabi Yaakub AS mewasiatkan kepada anak-anak mereka seperti mana yang terdapat dalam firman Allah SWT melalui Surah *al-Baqarah* (2), ayat 132 yang bermaksud: *Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Ya'qub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam*. Nabi Musa AS turut berkata kepada kaumnya seperti firman Allah SWT dalam Surah Yunus (10), ayat 84 yang bermaksud: *Dan Nabi Musa pun berkata (kepada kaumnya): Wahai kaumku! Kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah kepadaNya, jika betul kamu orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)*. Rukiah Mohamad (2008, ms. 114), perkataan Islam berasal dari bahasa Arab: *aslama, yuslimu, Islam* yang bermaksud memelihara dalam keadaan selamat, sejahtera, menyerah diri, tunduk patuh dan taat. Allah SWT menyebut perkataan *aslīm* yang bererti menyerah diri dalam Surah *al-Baqarah* (2), ayat 131 yang bermaksud: *Ketika TuhanNya berkata kepadanya (Nabi Ibrahim) berserahlah, Ibrahim menjawab, aku telah menyerah diri kepada Tuhan alam ini*.

Tauhid adalah rahsia kekuatan asas umat Islam. Tauhid juga asas kepada perubahan yang lain. Pegangan Tauhid mampu membentuk pemikiran yang maju dengan mengikis unsur-unsur khurafat dan tasyul. Oleh yang demikian, Tauhid dapat membawa manusia ke arus kemajuan. Kesimpulannya, talbiah membawa pengertian bahawa orang Islam yang beriman mesti berikrar dan berpegang kepada ajaran Tauhid demi untuk meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT. Selain itu juga, talbiah merujuk kepada satu keazaman yang teguh agar tidak mensyirikkan atau menyekutukan Allah SWT dan rela berkorban menjadi seorang muslim yang sejati demi menegakkan agama Islam di muka bumi ini. Oleh itu, wanita yang mengamalkan Konsep Talbiah ini akan menjadi seorang wanita yang solehah serta berperibadi yang terpuji sebagaimana yang dituntut dalam Islam dengan berlandaskan keteguhan tauhidnya.

KONSEP FEMINISME TALBIAH DALAM CERPEN AKAR CINTA

Cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar ini memaparkan watak utama, ‘Aku’ yang merupakan seorang wanita Melayu Islam. Aminah Mokhtar menonjolkan watak ‘Aku’ sebagai seorang jururawat di sebuah hospital yang menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Watak ‘Aku’ bekerja di wad bersalin dan berhadapan dengan pelbagai ragam pesakit serta masalah dengan rakan sekerjanya. Dia juga berhadapan dengan pesakit yang melahirkan anak luar nikah akibat kurang didikan agama. Watak ‘Aku’ turut mengalami konflik dengan Profesor Yazmin yang mahu menggunakan ubat yang mengandungi najis mughallazah untuk pesakit beragama Islam. Aminah Mokhtar menggarap watak ‘Aku’ sebagai seorang wanita Melayu Islam yang berdakwah kepada manusia di sekelilingnya supaya hidup berpegang pada agama dan syariat Islam. Watak ‘Aku’ juga cuba menyesaikan sesuatu konflik secara berhemah dan profesional. Walaupun ‘Aku’

seorang jururawat yang dilatih dengan kaedah saintifik tetapi ‘Aku’ tidak menolak peranan Tauhid dalam Islam sebagai kekuatan jiwa, penentu tahap keimanan dan ketakwaan seseorang insan itu.

Aspek Luaran Konsep Feminisme Talbiah

Aspek luaran terbahagi kepada tiga elemen, iaitu personaliti, ketakwaan dan budaya. Aspek luaran ini merupakan sesuatu yang boleh dilihat seperti perbuatan, perlakuan, bentuk fizikal dan sebagainya.

a). **Personaliti**

Dari sudut etimologi, *personaliti* berasal daripada perkataan *personal* yang bermaksud peribadi. Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2005, 1194), *personaliti* bermaksud keperibadian dan perwatakan. Shahabudin Hashim dan Rohizani Yaakub (2002, ms. 22) daripada perspektif Islam, personaliti dimaksudkan sebagai sahsiah atau pun secara umumnya akhlak. Akhlak terbahagi kepada dua jenis iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela. Akhlak juga boleh diertikan sebagai budi pekerti. Kedua-dua jenis akhlak ini sama ada yang terpuji ataupun akhlak yang tercela merangkumi dua dimensi iaitu yang zahir mahupun yang batin. Akhlak yang zahir dapat dilihat dan diukur dengan mata kepala manakala akhlak yang batin tersirat dalam lubuk hati. Namun begitu, akhlak yang batin pula terpancar pada perbuatan lahiriah. Islam memberi penekanan yang penting terhadap kedua-dua akhlak ini. Ini adalah bersesuaian dengan penciptaan manusia itu sendiri yang terdiri daripada unsur rohani dan jasmani. Kedua-dua unsur ini saling berkaitan. Personaliti sebagai seorang wanita Melayu Islam jelas tergambar sebagai seorang wanita yang menjaga peribadi, maruah, identiti, adab, pemikiran, tingkah laku agar tidak dipandang serong oleh masyarakat. Dari sudut

kemelaruan pula, sifat wanita Melayu sering digambarkan sebagai seorang wanita yang cantik dari hujung rambut sehingga ke hujung kaki. Wanita-wanita Melayu itu telah dididik dengan nilai-nilai serta budaya Melayu yang menekankan aspek nilai-nilai murni dalam jiwa mereka selari dengan tuntutan syarak.

Dalam elemen personaliti mengandungi tiga kriteria, iaitu keperibadian/imej, penampilan diri dan perwatakan/sikap. Kriteria-kriteria dalam elemen personaliti memfokuskan kepada wanita Melayu Islam selaku watak utama yang terkandung dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar.

Keperibadian/imej merupakan kriteria pertama yang terkandung dalam elemen personaliti. Keperibadian/imej merupakan gambaran yang dilihat oleh sesorang terhadap diri wanita itu. Keperibadian/imej seseorang wanita Melayu Islam mesti bertunjangkan al-Quran serta dihiasi dengan sunah Rasulullah SAW. Kombinasi atau manifestasi keadaan ilmu dan akhlak seseorang individu itulah yang disebut juga *peribadi*. Personaliti atau peribadi ialah juga cara seseorang memperlihatkan dirinya. Ini memberikan individu itu imej atau identiti yang mencerminkan keadaan ilmu pengetahuan, nilai pegangan dan matlamat hidupnya serta keadaan psikoemosi, sosial dan rohaninya. **Penampilan diri** merupakan kriteria kedua yang terdapat dalam elemen personaliti. Penampilan diri wanita Islam lebih memfokuskan kepada cara seseorang wanita itu membawa dirinya di khalayak. Wanita Islam disyariatkan supaya menjaga penampilan diri mereka dengan penuh adab serta kesopanan, mempunyai etika, menghormati dirinya sendiri, berkeyakinan, tahu apa yang baik dan buruk untuk dilakukan, menjaga maruah dan tidak merendah-rendahkan dirinya. Wanita-wanita Melayu Islam juga dihiasi peribadinya dengan perlakuan yang baik serta berteraskan adab Islamiyah. Penampilan diri seseorang wanita Islam ini juga turut menekankan agar sentiasa cantik, bersih, kemas dan

menarik. Penampilan diri yang baik juga menunjukkan bahawa mereka menghargai dirinya dan sentiasa bersyukur dengan kurniaan ilahi kepada dirinya. **Perwatakan/sifat** merupakan kriteria ketiga dalam elemen personaliti. Perwatakan/sifat seseorang wanita yang terkandung dalam Konsep Feminisme Talbiah ini lebih merangkumi budi pekerti, tabiat, tingkah laku, jiwa dan pemikiran yang ditonjolkan oleh Aminah Mokhtar dalam karyanya dengan memaparkan watak utama, iaitu seorang wanita Melayu Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan yang tertera di bawah:-

“Jangan tinggalkan hospital ini. Saya perlukan jururawat Islam seperti awak.” Suara sebak Profesor Tengku Yasmin Tan Seri Tengku Kamil, konsultan pakar sakit puan, mengusap lautan syukur di hatiku dengan linangan air mata.

(Aminah Mokhtar, 2009:103)

Syukur, aku masih mampu tersenyum. “Kami menjalankan tugas tapi ketentuannya tetap pada Allah.” Kudamaikan hatinya untuk mendamaikan hati sendiri.

(Aminah Mokhtar, 2009: 88)

Syukur, aku masih mampu tersenyum. “Kami menjalankan tugas tapi ketentuannya tetap pada Allah.” Kudamaikan hatinya untuk mendamaikan hati sendiri.

(Aminah Mokhtar, 2009:88)

Aminah Mokhtar mengupas perwatakan watak ‘Aku’ dalam cerpen *Akar Cinta* yang mengandungi kriteria-kriteria seperti keperibadian/imej, penampilan diri dan perwatakan/sifat seseorang wanita Melayu Islam yang mempunyai pegangan agama Islam yang teguh dengan bersandarkan syarak, iaitu sentiasa berbudi pekerti yang baik, bertindak dengan berlandaskan hukum Islam, mempertahankan kesucian agama Islam, tetap pendirian serta tidak memandang serong kepada individu yang melakukan kesilapan. Ketiga-tiga kriteria yang terdapat dalam aspek luaran Konsep Feminisme Talbiah menunjukkan perwatakan watak utama dalam cerpen tersebut berpegang kepada Tauhid yang meng-esakan Allah SWT sentiasa menyerah diri sepenuhnya terhadap kekuasaan Allah SWT. Al-Quran dan al-Sunah menjadi panduan serta pegangan dalam menghadapi liku-liku kehidupan. Islam memelihara moral dan sifat malu seseorang wanita itu. Al-Qardhawi (dipetik dalam Muhammad Hussain Al-Zahabi, 2006, ms. 44) menyatakan Islam memberi perhatian kepada reputasi dan kemuliaan wanita serta menatang kesuciaannya daripada sangkaan buruk dan keceluparan lidah lebih-lebih lagi dari tangan-tangan yang nakal dari dicemari. Ini bermaksud Islam memelihara wanita itu daripada keruntuhan dan kesesatan supaya menjadi seorang Muslimah yang sejati. Nilai-nilai murni seperti sabar, ikhlas berbakti, baik hati sebagai menepati peranan sebagai seorang jururawat melalui watak utama yang ditonjolkan dalam karya Aminah Mokhtar ini.

Gabungan nilai-nilai Timur dan Islam telah melahirkan seorang wanita Melayu yang mempunyai penampilan diri yang menarik dan dihiasi dengan cahaya keimanan kepada Allah SWT. Perwatakan/sikap ini ditonjolkan melalui watak-watak utama seorang wanita Melayu Islam yang mendukung adat serta budaya Melayu dengan berpegang teguh ajaran Islam, iaitu mengikuti hukum-hukum syarak. Selain itu, watak-watak utama dalam karya-karya Aminah Mokhtar memaparkan

wanita-wanita Melayu Islam yang bekerja untuk mencari nafkah hidup mereka. Tugas dan tanggungjawab yang digalas itu cuba dijalankan dengan penuh ikhlas, amanah, sabar dan dedikasi sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Yusuf Al-Qardhawi (dipetik dalam Muhammad Hussain Al-Zahabi, 2006, ms. 166) menyatakan Islam mengizinkan wanita bekerja di luar rumah.

Pekerjaan-pekerjaan tersebut mestilah sesuai dengan nalurinya, karakternya dan kemampuannya. Tugas seseorang jururawat sentiasa berdepan dengan cabaran untuk menangani pesakit-pesakit yang pelbagai ragam serta berusaha menyelamatkan nyawa mereka. Sebagai seorang jururawat tugas ini memerlukan pengorbanan, kesabaran, keikhlasan dan kecekalan. Selain itu, berpegang kepada ajaran Islam dengan kekuatan rohani yang ampuh merupakan satu elemen yang perlu ada pada diri setiap jururawat lebih-lebih lagi mereka perlu berhadapan dengan pesakit-pesakit yang berjuang antara hidup dengan mati seperti yang digarap oleh Aminah Mokhtar dalam karya-karyanya. Jalan cerita yang hidup adalah gambaran realiti kehidupan seorang wanita Melayu Islam yang bertugas sebagai jururawat sebagaimana diri pengkarya itu sendiri.

b). **Ketakwaan**

Ketakwaan merupakan elemen yang kedua dalam aspek luaran Konsep Feminisme Talbiah. Ketakwaan merujuk kepada manusia yang beriman kepadanya Allah SWT dengan bersandarkan akidah seperti yang diperjelaskan dalam al-Quran dan al-Sunah Rasulullah SAW. Takwa secara ringkasnya merupakan perasaan takut kepada Allah SWT dan perasaan ini menjadikan seseorang itu lebih berhati-hati dan berwaspada untuk mematuhi segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya. Justeru, bertakwa merupakan satu kewajipan kepada seluruh orang Islam berdasarkan firman

Allah SWT dalam Surah *al-Maidah*, ayat 23 yang bermaksud: “*Dan kepada Allah jualah hendaklah kamu berserah, jika benar kamu orang-orang yang beriman*”. Justeru, sebagai umat Islam perlulah menyerah diri kepada Allah SWT sebagai bukti keimanan yang kukuh. Penegasan amalan bertakwa juga terdapat dalam Surah *at-Tholaq*, ayat 2-3 yang bermaksud: “*Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi melakukan tiap-tiap sesuatu.* Akidah bermaksud mentauhid dan mengesakan Allah SWT serta taat kepada-Nya.

Seseorang wanita yang solehah mengakui kekuasaan Allah SWT serta menperdalamkan imannya, menyerah diri kepada-Nya, memiliki keyakinan bahawa Allah SWT telah menetapkan matlamat hidup berdasarkan firman-Nya dalam Surah *Az-Zariyat*, ayat 56 yang bermaksud: *Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan beribadah kepada-Ku.* Tumpuan menyembah dan beribadah hanya ditujukan kepada Allah SWT Yang Maha Mencipta dan Maha Pengatur Alam. Dengan kata lain, seluruh penyembahan yang sebenar hanya layak ditujukan kepada Allah SWT. Wanita Islam yang solehah memiliki jiwa yang kuat dan ter dorong untuk melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan mematuhi hukum syarak dalam kehidupan dan berpegang teguh kepada akidah Islam. Wanita Melayu juga sentiasa berbangga dengan keunggulan peribadi sebagai Muslimah dan Mukminah yang sejati.

Elemen ketakwaan mengandungi lima kriteria, iaitu melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW,

membantu menegakkan agama Allah/berjihad, sentiasa berderma & berinfak ke jalan Allah serta jalan kebajikan, bertawakal kepada Allah SWT serta pasrah dan tunduk kepada ketetapan Allah SWT. Kriteria-kriteria dalam elemen personaliti memfokuskan kepada perwatakan wanita Melayu Islam selaku watak utama yang terkandung dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar.

Melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW

merupakan kriteria pertama yang terkandung dalam elemen ketakwaan. Sebagai seorang Islam, wanita haruslah melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW serta menjauhi larangan-Nya. Orang yang bertakwa ialah orang yang beriman, iaitu orang yang berpandangan dan bersikap hidup dengan ajaran Allah SWT serta menurut sunnah Rasulullah SAW seperti melakukan solat sebagai upaya pembinaan iman dan memberi hartanya untuk kepentingan ajaran Allah SWT. Sehubungan dengan itu, wanita Melayu Islam yang bertakwa ialah manusia yang beriman kepada Allah SWT serta menurut sunah Rasulullah SAW. Wanita ini juga melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW serta menjauhi larangan-Nya. Ketakwaan wanita Islam adalah perlu melindungi diri kerana takwa itu merupakan bekalan di akhirat kelak.

Wanita-wanita Islam yang bertakwa akan menunjukkan akhlak yang baik kepada manusia di sekelilingnya kerana mereka adalah pembentuk generasi akan datang. Allah SWT berfirman dalam Surah *Ali Imran*, ayat 102 yang bermaksud: “*Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benarnya takwa kepada-Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*”

Membantu menegakkan agama Allah SWT/berjihad merupakan kriteria kedua dalam elemen ketakwaan. Tinjauan dari sudut ‘jihad’ pula wanita Islam tidak boleh menafikan peranan mereka sebagai seorang Muslimah yang mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah SWT. Wanita-wanita Islam

yang melakukan perintah Allah serta menjauhi larangan-Nya perlu berjihad terhadap diri dan hawa nafsu, jihad untuk menghalau sesuatu yang dilontarkan oleh syaitan, jihad dengan hati, lisan, harta dan jiwa, jihad melawan kezaliman, bidaah dan kemungkaran serta jihad wanita menegakkan kebenaran dan syariatnya. Oleh itu, jihad wanita sebagai seorang Mukminah yang ingin melihat Islam dimartabatkan adalah dengan memperjuangkan dan mempamerkan keindahan Islam serta melahirkan zuriat yang merupakan generasi pelapis yang bakal mentadbir dunia. Aspek Ketakwaan yang terdapat dalam Konsep Feminisme Talbiah lebih memfokuskan kepada wanita Melayu Islam yang teguh imannya, iaitu berperanan menegakkan agama Allah SWT/berjihad agar Islam terus mendapat tempat di hati manusia. **Sentiasa berderma dan berinfak ke jalan Allah SWT serta jalan kebaikan** adalah kriteria ketiga yang terkandung dalam elemen ketakwaan yang membawa maksud pemberian (sumbangan) wang, harta yang dibelanjakan untuk kebaikan seperti derma, sedekah dan sebagainya. Rasulullah SAW pernah bersabda dan bermaksud: *Baginda menyuruh kaum wanita bersedekah bagi menyelamatkan diri mereka daripada api neraka, tanpa menyebut amalan-amalan lain.* **Bertawakal kepada Allah SWT** merupakan kriteria keempat yang terdapat dalam elemen ketakwaan. Fachruddin HS (2008:247) menurut Yusud Al-Qaradawi, tawakkal (berserah diri) kepada Allah yang menjadi buah dari iman, bukanlah artinya menyerah tanpa usaha atau membiarkan segala sesuatu berjalan menurut berjalan menurut keadaannya. Tawakkal bermakna menanamkan dalam jiwa orang yang beriman akan kekuatan berjuang, semangat bekerja keras dan tekun serta keimanan yang tidak mahu padam. Sehubungan itu, manusia yang bertawakkal bermaksud menyerahkan diri kepada Allah SWT setelah berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan sesuatu. Wanita Islam yang solehah akan sentiasa bertawakkal dalam memastikan kehidupannya sentiasa berada dalam

ketenangan dan keberkatan. **Pasrah dan tunduk kepada ketetapan Allah SWT** adalah kriteria kelima yang terdapat elemen ketakwaan yang membawa maksud menyerah diri (nasib) kepada Tuhan. Fachruddin HS (2008, ms. 246) menurut Yusuf Al-Qaradawi orang yang beriman itu kuat, kerana dia mengambil kekuatan dari Allah yang dipercayainya dan berserah diri kepada-Nya. Manusia sedemikian amat yakin bahawa Allah SWT sentiasa ada bersamanya walau di mana berada. Insan ini juga mengakui sepenuh hatinya yang Allah SWT akan menolong manusia yang beriman dan melemahkan orang-orang yang menegakkan yang batil. Oleh itu, sesiapa yang menyerah diri kepada Allah SWT akan menjadi kuat kerana Allah Maha Kuasa dan Maha Bijaksana. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan yang tertera:-

“Ini persoalan fikah, persoalan tauhid. Ibadat dan keimanan kita.”

(Aminah Mokhtar, 2009:98)

“Kita masih banyak *heparin*. Prof. Yazmin, pertimbangkanlah permintaan saya. Pesakit kita Islam. Kalaupun dia tak kisah, tanggungjawab saya kena beritahu dia sehingga dia menjadi kisah.”

(Aminah Mokhtar, 2009: 97)

“Sudahkah Prof. minta izin dari pesakit dan terangkan kepada beliau kandungan ubat itu?”
Aku memandang wajahnya, dengan hati terus meminta perlindungan Allah *Subhanallah walhamdulillah wa la ilaha illallah, Allahu akbar.*

(Aminah Mokhtar, 2009:96)

“Kau terus membujang tak berdosa?” Antara menyindir antara marah, sebiji paku buah keras dihumban ke sanubariku.

“Itu takdir aku. Aku reda.” Aku hanya tersengih. Hanya itu yang boleh kubuat menerima rasa tidak senang di hatinya.

(Aminah Mokhtar, 2009:91)

Watak ‘Aku’ dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar ialah seorang wanita Melayu Islam yang mempunyai perwatakan menarik, iaitu mentaati perintah Allah SWT dan mendukung sunah Rasulullah SAW. Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah binti Kamarudin, 2017, ms. 91) menyatakan tingkah laku ini lahir dari sikap manusia itu sendiri yang mempunyai keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Watak ‘Aku’ merupakan wanita yang hidup berlandaskan syariat Islam, mempunyai pegangan agama yang teguh dan beriman kepada Allah SWT. Dalam kehidupan seharian, watak ‘Aku’ menunjukkan akhlak yang baik serta berusaha memberi bimbingan kepada manusia yang jahil. Watak ‘Aku’ menganggap pekerjaannya seorang jururawat sebagai satu ibadah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Selain itu, ‘Aku’ juga bertawakal kepada Allah SWT dan pasrah dengan dugaan yang menimpa kerana berpegang semuanya merupakan kekuasaan Allah SWT. Kelima-lima kriteria yang terdapat dalam elemen ketakwaan terbukti membawa manusia kepada pegangan Tauhid dan menyerah diri sepenuhnya sebagai bukti keimanan kepada Allah SWT. Wanita yang bertakwa ialah wanita yang beriman dan mempunyai kekuatan jiwa dengan bersandarkan kebesaran Allah SWT.

c). **Budaya**

Al-Qardhawi (dipetik dalam Mohammad Zaini Yahaya, 2012, ms. 152), masyarakat Islam mempunyai adab serta budayanya sama ada dalam soal makan-minum, perhiasan dan pakaian, tidur dan bangun, perjalanan dan permukiman, perkenalan dan pergaulan, pekerjaan dan kerehatan, persahabatan dan kasih sayang, perkahwinan dan perceraian, hubungan antara lelaki dan wanita, hubungan antara anak dan ibu bapanya, hubungan antara kaum kerabat, hubungan antara jiran tetangga, hubungan antara yang muda dan tua, hubungan antara orang kaya dan orang miskin, hubungan antara penjual dan pembeli, hubungan antara ketua dan anak buahnya serta hubungan antara tuan dan khadamnya. Apabila dikaitkan budaya dengan Islam maka Islam menjadi asas kepada budaya tersebut. Apabila setiap garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam telah menjadi sebagai budaya dalam masyarakat, ini akan memberi kesan kepada keseluruhan anggota masyarakat tersebut dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Akhirnya akan wujudlah apa yang dipanggil sebagai Budaya Islam. Muhd. Mansur Abdullah (1998, ms. 37), definisi budaya ialah bahan hasilan daripada kehidupan organisasi seperti cerita, pantang larang, lagenda dan adat.

Islam telah membawa pelbagai bentuk kemajuan untuk dinikmati oleh penganutnya. Islam telah memberi rasa yang mendalam tentang kematangan rohani serta identiti budaya dan sisoal yang istimewa. Kedatangan Islam membawa prinsip-prinsip hidup yang baru dan bagi memurnikan amalan dan kebiasaan atau adat yang berlawanan dengan agama serta mengekalkan warisan masyarakat yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Budaya Melayu mengandungi dua unsur terpenting yang saling melengkapi, iaitu adat Melayu dan agama Islam. Kedua-dua unsur ini bertaut dan diintegrasikan menjadi satu ke dalam wadah kemelayuan. Kebudayaan pula merupakan produk manusia dan adanya

kebudayaan kerana manusia lalu kebudayaan adalah kesan dari aktiviti pemikiran dan perasaan manusia. Wanita Melayu Islam hidup dalam lingkungan budaya Islam yang sentiasa mengangkat martabat wanita ke tahap yang tinggi kedudukannya. Hakikatnya, wanita Melayu Islam patuh pada syariat yang ditetapkan dari segi perlakuan, sikap, cara hidup, peribadi dan sebagainya sebagai tanda beriman kepada Allah SWT dan mematuhi syariat yang terdapat dalam Islam serta menerimanya dengan berlapang dada.

Elemen budaya mengandungi tiga kriteria, iaitu komunikasi/bahasa, adat/cara hidup, penerimaan masyarakat terhadap pendapat/buah fikiran. Kriteria-kriteria dalam elemen budaya memfokuskan kepada perwatakan wanita Melayu Islam selaku watak utama yang terkandung dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar.

Menurut Samsuddin A. Rahim (1997:4), istilah **komunikasi** ialah terjemahan daripada istilah Inggeris, *communication*. Sehubungan dengan itu, dalam kehidupan seseorang individu banyak berlakunya perhubungan dengan orang lain demi keperluan sendiri. Semasa berhubung, seseorang individu akan berinteraksi dalam komunikasinya. Wanita Melayu Islam yang komited adalah wanita yang lemah lembut dalam toleransi, tidak kasar dan tidak sopan akan tetapi berkasih sayang kerana Allah SWT dan menjadi hamba kepada-Nya. Sifat dan keperibadian wanita Melayu Islam yang penuh dengan kelembutan, hormat serta kesopanan turut mempengaruhi ketika berkomunikasi sesuai dengan adat dan budaya Timur yang diamalkan. Selain itu, wanita yang petah berkomunikasi dan boleh diajak berbual akan disukai oleh lelaki. Sebagai wanita Islam haruslah pandai mengimbangi topik perbualan walaupun terdapat perbezaan antara topik perbualan yang disukai oleh lelaki dengan topik perbualan yang digemari oleh wanita. Wanita bukan sekadar teman untuk berbual tetapi dapat memberi respons, mengujarkan pendapat yang baik, pandai berjenaka, berfikiran terbuka,

pandai menyesuaikan diri, pandai bergaul dan pendengar yang setia.

Keperibadian wanita Islam yang terpuji haruslah tidak berlebih-lebihan dan juga tidak bercanggah dengan syariat Islam. **Adat/cara hidup** adalah kriteria kedua dalam elemen budaya. Adat secara umumnya didefinisikan sebagai suatu aturan, tingkah laku, kepercayaan dan cara hidup yang mencerminkan segala perbuatan. Pengaruh Islam merupakan pengaruh yang paling kuat sekali dalam kebudayaan dan adat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, adat ialah kepatuhan yang kedua selepas agama mereka, iaitu Islam. Kepatuhan kuat orang Melayu kepada agama Islam diakui oleh Prof. Syed Naquib Al-Attas yang mengatakan Islam telah mentamadunkan masyarakat Melayu. Perlembagaan Malaysia sendiri telah mendefinisikan Melayu sebagai mereka yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Ini menunjukkan betapa kuatnya Islam dalam kehidupan orang Melayu. Apa yang ingin dijelaskan di sini betapa pentingnya agama Islam kepada orang Melayu kerana masyarakat Melayu menjadikan Islam sebagai teras kepada pembentukan adatnya. Mohammad Zaini Yahaya (2012, ms. 158), Yusuf Al-Qardhawi menyatakan adab kesopanan serta budaya-budaya Islam telah menjadikan masyarakat Islam mempunyai identiti yang unik. Adat-adat yang bertentangan dengan ajaran Islam semakin tidak popular dalam kalangan masyarakat Melayu dan semakin dikurangkan penggunaannya. Namun begitu, adat-adat lampau yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam tetap diteruskan pengamalannya. Mohammad Zaini Yahaya (2012:152), Yusuf Al-Qardhawi menyatakan kebudayaan, kesopanan dan adat-adat telah diwujudkan oleh Islam di dalam masyarakat Islam bertujuan untuk menjadikannya berkhidmat kepada akidah, syiar, pemahaman, emosi, akhlak dan tata susila Islam.

Menelusuri kehidupan wanita Melayu Islam hidup dalam dunia kecil mereka yang dilindungi nilai Timur, budaya Melayu

dan ajaran Islam sehingga membentuk diri menjadi seorang muslimah yang sangat ideal dari sudut Islam, iaitu berpendirian keredaan Allah SWT mengatasi segala-galanya dengan mematuhi hukum syarak dalam hidup, berbangga dengan keperibadian Islam yang mereka miliki dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai hiasan diri. Jelas menunjukkan wanita Melayu Islam begitu memperlihatkan keprihatinan mereka dalam memenuhi tuntutan agama Islam dan nilai Timur yang sederhana serta harmoni bertepatan dengan adat dan budaya Melayu sebagai panduan hidup. Selain itu, wanita Melayu Islam juga kuat berpegang dengan adat serta agama Islam yang mempengaruhi kedudukan wanita dalam masyarakat kerana mempunyai moral dan budi pekerti yang sopan. **Penerimaan masyarakat terhadap pendapat/buah fikiran** merupakan kriteria ketiga dalam elemen budaya. Shamsinar G. Ali (2011:23) menyatakan orang yang cerdik hati dapat dikenali dengan rohnya yang bersih, hati yang tawaduk dan berbagai sifat kehambaan lainnya. Pada dirinya terpancar akhlak yang mulia sama ada akhlak kepada Allah SWT mahupun akhlak kepada manusia. Wanita Islam yang solehah menghiasi dirinya dengan kesabaran, qanaah, sensitif dengan Allah SWT, mudah bertolak-ansur, berkasihsayang, cekap, amanah, tangkas, cermat, kemas dan semua sifat baik yang ada pada orang yang cerdik akal. Kecerdikan hati dapat melingkupi seluruh unsur kekuatan rohaniah manusia, iaitu akal, jiwa dan perasaan. Akan tetapi kecerdikan akal terbatas pada akal sahaja. Kecerdikan yang datang kepada akal sangat susah untuk melawan nafsu tetapi jika hati yang cerdik maka akan mencerdikkan akal juga.

Dalam Islam sekiranya seseorang wanita itu mempunyai kecerdasan intelek yang tinggi, agama tidak menghalang seseorang wanita itu mengejar ilmu dan mendominasi pelbagai cabang asalkan tidak melampaui batas syariat. Pemikiran intelek merupakan elemen yang paling penting untuk mengangkat martabat dan darjah wanita Islam. Agama

dan undang-undang memberi kebebasan kepada wanita untuk mengeluarkan pendapat, isi hati, buah fikiran, apa yang diingini atau tidak, sama ada berkaitan dengan dirinya atau masyarakat. Berkaitan dengan hal ehwal diri wanita, tiada siapa pun yang boleh membuat keputusan sewenang-wenangnya tanpa kebenaran dan persetujuan wanita. Buah fikiran dan pandangan wanita sangat berguna kepada masyarakat dalam menyelesaikan pelbagai masalah sama ada berkaitan dengan politik, sosial mahupun ekonomi. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:-

Terima kasih Tuhan, hadiah aku akar cinta pada agama-Mu, sekukuh ini. Alhamdulillah.

(Aminah Mokhtar, 2009:104)

“Puan, akar Siti Fatimah telah terbukti dapat menolong memudahkan proses kelahiran. Air selusuh, air yang sudah dibaca kalimah Allah juga boleh menolong. Air itu tidak ada kuasa tapi yakinkan pada ayat-ayat al-Quran, insya-Allah, proses bersalin puan tidak menghadapi masalah.”

(Aminah Mokhtar, 2009:89)

“Allah memberi pahala orang yang mengandung ini amat besar. Belum lagi pahala semasa melahirkan anak. Belum lagi pahala menyusu dan memelihara anak.”

(Aminah Mokhtar, 2009:93)

Aminah Mokhtar menonjolkan perwatakan watak ‘Aku’ dalam cerpen *Akar Cinta* merupakan ikon wanita Melayu Islam

yang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang penuh dengan kesopanan, kelembutan dan hormat yang menepati peribadi wanita Melayu Islam yang berbudi bahasa. Azhar Haji Wahid & Fathin Noor Ain binti Ramli, 2017:6) menyatakan sopan santun telah sinonim dengan budaya masyarakat Melayu dan boleh dikatakan diwarisi dari nenek moyang yang masih menjadi tunjang utama bagi masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian. Watak ‘Aku’ turut berbicara dengan Allah SWT dalam doanya sebagai tanda kesyukuran dengan nikmat keimanan yang dikurniakan oleh Allah SWT. Sebagai seorang jururawat, ‘Aku’ menghulurkan nasihat kepada para pesakitnya supaya membaca ayat-ayat suci al-Quran dan meminum air akar Siti Fatimah untuk memudahkan proses melahirkan anak. Akar Siti Fatimah merupakan sejenis tumbuhan herba yang membantu memudahkan proses bersalin dengan izin Allah SWT. Peranan ‘Aku’ sebagai jururawat yang menasihati dan memujuk pesakitnya dengan ganjaran yang Allah SWT berikan kepada wanita yang melahirkan anak. Ketiga-tiga kriteria ini menunjukkan perwatakan wanita Melayu Islam yang memiliki iman dan akhlak yang dituntut oleh Islam.

Aspek Dalaman Konsep Feminisme Talbiah

Aspek dalaman Konsep Feminisme Talbiah terbahagi kepada dua elemen utama, iaitu psikologi dan spiritual/kerohanian. Aspek Dalaman ini menjurus kepada jiwa, akal, hati dan nafsu seseorang wanita itu. Jiwa yang bersih, iaitu beriman kepada Allah SWT dengan berlandaskan pegangan Tauhid dapat dipancarkan melalui keperibadian seseorang wanita itu.

a). Psikologi

Kajian dimulakan dengan psikologi yang mempunyai tiga elemen, iaitu pemikiran (*Al-Aql*), kejiwaan/perasaan/emosi (*Al-*

Qalb) dan kebijaksanaan/intelektual. Kriteria-kriteria dalam psikologi berfokuskan kepada seorang wanita Melayu Islam selaku perwatakan watak utama yang terdapat dapat karya-karya prosa Aminah Mokhtar. Dari sudut etimologi, psikologi bermaksud ilmu berkaitan dengan fikiran dan jiwa. Oleh kerana psikologi merupakan cabang daripada ilmu pengetahuan maka psikologi juga menekankan metode ilmiah, iaitu pemerhatian dan bukti sesuatu perkara secara eksperimental. Dapat disimpulkan bahawa psikologi merupakan ilmu yang mempelajari semua tingkah laku dan perbuatan manusia. Manusia tersebut juga tidak terlepas daripada di kelilingi oleh ilmu pengetahuan, tingkah laku dan manusia.

Dari sudut kemelayuan pula, sifat wanita Melayu sering digambarkan sebagai seorang wanita yang pandai bermain perasaan untuk mengharungi konflik yang melanda. Namun begitu, berbekalkan keimanan yang kukuh wanita Melayu Islam mempunyai cara tersendiri untuk menyelesaikan sesuatu konflik itu walaupun amat menekan perasaan. Mereka berpegang kepada kekuasaan Allah SWT dengan menjadikan al-Quran, hadis dan sunah Rasulullah SAW sebagai rujukan supaya menepati kehendak Islam. Hakikatnya, perlu diakui bahawa wanita Melayu Islam itu telah dididik dengan nilai-nilai serta budaya Timur yang menekankan aspek nilai-nilai murni dalam jiwa mereka selari dengan tuntutan syarak.

Elemen psikologi mengandungi tiga kriteria, iaitu pemikiran (*Al-Aql*), kejiwaan/perasaan/emosi (*Al-Qalb*) dan kebijaksanaan/intelektuan. Kriteria-kriteria dalam elemen psikologi memfokuskan kepada perwatakan wanita Melayu Islam selaku watak utama yang terkandung dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar.

Pemikiran (*Al-Aql*) merupakan kriteria pertama dalam elemen psikologi. Wanita boleh melahirkan idea/pemikiran dalam pelbagai bidang selari dengan zaman kemajuan ilmu pengetahuan. Wanita Islam boleh berfikir secara logik, rasional, kritikal, kreatif dan inovatif demi meningkatkan daya

saing wanita itu. Dalam Islam, wanita terlibat dalam aktiviti kehidupan sosial seperti berdakwah sesama manusia ke arah kebaikan dan melarang kemungkaran. Kedatangan Islam telah membawa satu pembaharuan berbentuk pembelaan kepada kedudukan wanita sama ada dari segi agama, sosial, ekonomi, politik dan lain-lain. Wanita tidak lagi diletakkan di tempat kedua hanya sebagai pengikut kaum lelaki sahaja. Mereka mendapat hak dan status yang sewajarnya sesuai dengan fitrah penciptaannya. Mereka dihargai dan dihormati sebagai manusia yang mempunyai persamaan dengan lelaki tanpa adanya diskriminasi antara keduanya.

Wanita turut diberi peluang menceburi pelbagai bidang seperti penglibatan dalam pendidikan dan pencapaian yang menggalakkan dalam bidang ini telah meletakkan wanita sejajar dengan kedudukan lelaki terutamanya dalam bidang pekerjaan, pentadbiran, sektor ekonomi dan sebagainya. Wanita Melayu Islam terlibat dalam semua lapangan khususnya pendidikan kerana pendidikan harus memberi kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif yang mencerminkan keteguhan dan ketamadunan sesebuah negara bangsa. **Kejiwaan/perasaan/emosi (Al-Qalb)** adalah kriteria kedua elemen psikologi. Robiah Kulop Hamzah (dipetik dalam Abd.Rahim Abd. Rashid, 2011:31) kecerdasan emosi pertama kali diperkenalkan oleh Salovey dan Mayer (1997) bagi menerangkan kualiti-kualiti emosi penting yang menyumbang kepada sesuatu kejayaan.

Istilah jiwa mempunyai hubungan dengan beberapa konsep yang berkaitan. Jiwa wanita sangat akrab dengan nyawa, roh, emosi, perasaan, fikiran, cita-cita dan berjiwa; kasih, simpati, suka, duka, empati, gembira, sedih, kecewa, marah, geram, meluat, benci, sayang dan pengorbanan. Orang-orang Muslim yang mendapat ketenangan jiwa akan memperoleh kebahagiaan dalam hidup kerana mereka mempunyai tunggak keimanan yang kukuh dan sentiasa mengingati Allah SWT. Wanita Melayu Islam akan menjadi

seorang wanita yang bersikap empati, mengungkapkan dan memahami perasaan, mengendalikan amarah, kemampuan menyesuaikan diri, disukai, berkemampuan menyelesaikan masalah, setia kawan, peramah dan sikap menghormati serta berusaha membina kebijaksanaan dan kematangan untuk dirinya. Sehubungan itu, konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman dan kerohanian. Ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang.

Wanita Melayu Islam akan menjadi Muslimah yang terpuji sekiranya memfokuskan kecintaannya kepada Allah SWT. **Kebijaksanaan/intelek** adalah kriteria ketiga elemen psikologi. Agama Islam amat menyanjung ilmu, mengangkat nilainya serta meletakkannya pada kedudukan yang paling tinggi. Menuntut ilmu adalah satu jihad malah dikatakan sebagai puncak jihad. Allah SWT mewajibkan setiap hamba-Nya menuntut ilmu tanpa mengira lelaki atau perempuan, merdeka mahupun hamba. Secara umumnya, keintelaktuan membawa makna keadaan atau sifat penggunaan fikiran yang mendalam dalam mencari sesuatu jawapan atau penyelesaian yang menuju ke arah kesempurnaan, melalui proses berfikir yang bertahap-tahap, teratur dan tersusun. Kebijaksanaan dan intelektual wanita Melayu Islam adalah bersandarkan ilmu yang mereka peroleh serta menepati syarak. Kebijaksanaan dan intelektual yang dimiliki oleh wanita Melayu Islam merupakan satu tanggungjawab di dalam kehidupan Islam, iaitu tanggungjawab menyuruh ke arah kebaikan dan melarang segala kemungkarhan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah;

“Puan, saya merayu pada puan, janganlah buat keputusan dulu. Berdoalah, puan selamat

melahirkan anak puan ini. Bila sihat nanti, puan berundinglah dengan suami.”

(Aminah Mokhtar, 2009: 93)

Kuheret hati yang semakin kecewa. Wajah Profesor Yazmin melekat di hati. Membekaskan rasa huru-hara yang semakin menikam. Tuhan, berilah dia petunjuk.

(Aminah Mokhtar, 2009:9)

“Kita ada *heparin* untuk gantikan ubat yang diambil dari unsur khinzir itu.” Terdengar suara sendiri yang bertambah yakin, aku tiba-tiba jadi berani untuk mempertahankan hak pesakitku.

(Aminah Mokhtar, 2009:96)

Aminah Mokhtar mengupas perwatakan watak ‘Aku’, iaitu seorang wanita Melayu Islam yang bertugas sebagai seorang jururawat di wad bersalin. Watak ‘Aku’ perlu menghadapi karenah pesakit yang memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Ada kalanya perlu memujuk serta menasihati pesakit dengan melontar pemikiran dengan bernal terhadap sesuatu isu. Pemikiran yang diutarakan menunjukkan bahawa wanita Melayu Islam tidak terbelenggu dengan budaya serta cara hidup mereka tetapi lebih terbuka serta mempunyai minda yang sarat dengan ilmu pengetahuan. Wanita Melayu Islam mendapat pendidikan hingga boleh mengeluarkan hujah yang logik daripada kotak pemikiran mereka. Watak ‘Aku’ berjuang untuk menyedarkan pesakit berhubung tindakan mereka yang bertentang dengan syariat Islam. Seterusnya, watak ‘Aku’ juga mewakili wanita Melayu Islam yang menonjolkan aura kebijaksanaan untuk mempertahankan

hukam-hakam Islam supaya tidak dipermainkan oleh segelintir manusia yang lebih mementingkan keuntungan semata-mata.

b). **Spiritual/kerohanian**

Kajian dimulakan dengan spiritual/kerohanian yang terdiri daripada tiga kriteria, iaitu berpegang kepada Tauhid (akidah), merealisasikan Tauhid dalam kehidupan, tindakan dan pemikiran serta meyakini sepenuhnya kekuasaan Allah SWT. Kriteria-kriteria dalam spiritual/kerohanian memfokuskan kepada watak utama dalam karya Aminah Mokhtar yang mewakili wanita Melayu Islam. Dalam pengertian duniawi, kerohanian Islam adalah merealisasikan Tauhid. Tauhid berpengaruh dalam kehidupan, tindakan dan pemikiran umat manusia yang membentuk masyarakat Islam. Perkara-perkara yang berkaitan dengan kerohanian Islam adalah semua yang berbicara tentang Allah SWT yang Maha Esa. Sayyed Hossein Nasr (dipetik dalam Muhammad Rusli Amin, 2010:64), hidup segala sesuatu adalah dengan kehendak Tuhan yang Maha Esa, mematuhi hukumnya dan berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Semua itu terangkum dalam kalimah *La ilaha illallah* yang bermaksud *Tiada tuhan melainkan Allah*. Inti pati kerohanian ini adalah memperoleh sifat-sifat ilahi dengan memperoleh kebaikan-kebaikan yang sempurna. Kehidupan kerohanian diasaskan pada rasa takut yang disertai penghormatan kepada Allah SWT. Selain itu, perasaan yang turut wujud adalah patuh kepada kehendak-Nya serta kecintaan kepada-Nya. Justeru, kerohanian bagi muslim adalah Tauhid dan merealisasikannya dalam kehidupan. Ini merujuk kepada kepercayaan kepada Allah SWT, menjadikan Allah SWT sebagai Tuhan sekalian alam dan mengesakannya dengan mendasari prinsip tiada Tuhan selain Allah SWT. Sering memohon pertolongan daripada-Nya, berdoa kepada Allah SWT dan meyakini kekuasaan-Nya.

Elemen spiritual/kerohanian mengandungi tiga kriteria, iaitu berpegang kepada Tauhid (akidah), merealisasikan Tauhid dalam kehidupan, tindakan dan pemikiran serta meyakini sepenuhnya kekuasaan Allah SWT. Kriteria-kriteria dalam elemen spiritual/kerohanian memfokuskan kepada perwatakan wanita Melayu Islam selaku watak utama yang terkandung dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar.

Berpegang kepada Tauhid adalah kriteria pertama dalam elemen spiritual/kerohanian. Tauhid merupakan asas utama bagi agama Islam, iaitu mengesakan Allah SWT. Jika asas Tauhid tidak kukuh maka perjalanan hidup seseorang wanita itu akan tergelincir dari landasan agama Islam yang sebenarnya sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunah. Wanita yang berpegang kepada Tauhid merupakan manusia yang beriman kepada Allah SWT. Abdul Majid bin Abdullah (1999:7) Yusuf Al-Qardawi menegaskan bahawa beriman kepada Allah mengandungi beriman kepada wujudnya Allah. Oleh itu, beriman kepada keesaan-Nya dari sudut *rububiyyah* dan *uluhiiyyah*-Nya, beriman dengan nama-nama-Nya yang baik dari sifat-sifat-Nya yang mulia dan kesempurnaan-Nya merupakan perkara yang perlu dilakukan oleh orang-orang Islam. Pegangan Tauhid berpengaruh dalam kehidupan manusia merangkumi tindakan dan pemikiran dalam membentuk masyarakat Islam. Seterusnya, pegangan Tauhid yang teguh dapat membentuk peribadi wanita Melayu Islam yang seimbang, melahirkan jiwa yang tenang, memberi kekuatan jiwa dan mewujudkan persaudaraan sesama masyarakat Islam.

Kehidupan wanita Melayu Islam berlandaskan syariat Islam, iaitu berpaksikan al-Quran, hadis dan sunah Rasulullah SAW. Realitinya, wanita Melayu Islam beriman dengan sepenuh hati terhadap kekuasaan Allah SWT dan mengakui Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah SWT. Golongan ini mempunyai akidah yang begitu utuh untuk melahirkan masyarakat Islam yang beriman serta meneruskan hidup

dengan berlandaskan syariat Islam. Untuk meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT, wanita Melayu Islam perlu beriman dan berpegang dengan ajaran Tauhid. Sebagai seorang Muslimah dan Mukminah, wanita Melayu Islam perlu menyerah diri kepada Allah SWT, iaitu merujuk kepada agama Islam sebagai peraturan hidup, diutuskan Rasul dan kitab sebagai panduan kepada manusia.

Merealisasikan Tauhid dalam kehidupan, tindakan dan pemikiran merupakan kriteria kedua dalam elemen spiritual/kerohanian. Islam diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk memimpin umat manusia pada jalan yang benar dan direndai Allah SWT. Islam ialah agama wahyu daripada Allah SWT yang melengkapkan agama Allah sebelumnya. Hanya Islam sahaja agama yang diakui oleh-Nya. Mereka yang menerima Islam sebagai agama akan memperoleh keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 3-19 yang bermaksud: *Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam...* Islam itu bermaksud menyerah diri, tunduk, patuh dan taat kepada segala syariat Allah SWT yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Ketaatan ini merangkumi semua aspek termasuk akidah, syariat dan akhlak. Justeru, wanita Melayu Islam harus mematuhi semua syariat Islam serta mendidik diri dengan berpegang kepada akidah Islam, iaitu percaya serta yakin dengan sepenuh hati terhadap Allah SWT dan sifat-sifat kesempurnaan-Nya. Sehubungan itu, semua wanita Islam wajib mengetahui, mempelajari, dan mendalami ilmu akidah supaya tidak berlaku penyelewengan akidah terhadap Allah SWT. Akidah yang sebenar ialah akidah yang berdasarkan (bersumberkan) al-Quran dan al-Sunah.

Wanita Melayu Islam yang menguasai ilmu akidah akan merasakan bahawa seluruh kehidupannya di bawah kawalan dan pengawasan Allah SWT. Dengan ini, wanita Melayu Islam akan taat (melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa

yang dilarang) atas segala perintah-Nya supaya semua perkara yang dilakukan diserahkan kepada Allah SWT semata-mata. Segala urusan kehidupan dan selepas kematian adalah urusan Allah SWT. Hanya Allah SWT yang berkuasa menentukan segalanya. Keimanan seseorang wanita Melayu Islam terhadap Allah SWT sentiasa teguh dan tidak dapat digugat oleh anasir-anasir yang lain. Ini merupakan kesan daripada penguasaan dan pengetahuannya dalam ilmu akidah.

Meyakini sepenuhnya kekuasaan Allah SWT adalah kriteria ketiga dalam elemen spiritual/kerohanian. Wanita Melayu Islam yang beriman mempunyai akhlak yang baik serta budi pekerti yang dihiasi dengan nilai-nilai murni. Rosmawati bin Ali@Mat Zin (2010, ms. 7) menyatakan orang yang beriman akan sentiasa menjaga anggota badan, hati dan tutur katanya daripada melakukan maksiat. Maka, wanita Melayu Islam yang beriman perlu bersabar, bertawakal, di samping berusaha apabila ditimpa sebarang musibah serta ujian. Sesungguhnya, wanita Melayu Islam yang beriman akan berasa yakin bahawa segala-galanya adalah milik Allah SWT secara mutlak dan tetap, serta segala yang berlaku mempunyai hikmah yang tertentu di sebaliknya. Allah SWT berfirman dalam Surah *al-Baqarah*, ayat 2:156 yang bermaksud: (*laitu*) *orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan mereka berkata “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”*

Wanita Melayu Islam yang beriman mampu mengawal dirinya daripada melakukan segala bentuk maksiat dan kejahatan. Seterusnya, wanita Melayu Islam ini akan lebih terdorong untuk melakukan ibadat dan amalan dengan penuh ikhlas, serta merasai kesannya pada diri sendiri. Allah SWT berfirman dalam Surah *Fussilat* ayat 41:46 yang bermaksud: *Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa diri sendiri.* Oleh itu, keimanan yang sempurna membolehkan seseorang itu

memasuki syurga. Maka, orang Islam yang beriman perlu membuat amalan yang baik serta meyakini sepenuhnya kekuasaan Allah SWT. Wanita Melayu Islam yang beriman sepenuhnya kepada Allah SWT pasti akan menjadi seorang Muslimah serta Mukminah yang menyerah diri, tunduk, patuh dan taat kepada segala syariat Allah SWT.

Realitinya, wanita Melayu Islam merealisasikan semua aspek ketaatan yang merangkumi akidah, syariat dan akhlak untuk membentuk peribadi yang terpuji sebagai seorang Muslimah dan Mukminah. Justeru, wanita Melayu yang menerima Islam sebagai agama bukan sekadar percaya kepada Rukun Islam tetapi mestilah mengamalkan semua Rukun Islam seperti yang telah disyariatkan kepada setiap individu Muslim yang berakal dan cukup umur. Sebagai wanita Melayu Islam perlu menjadikan syariat Islam sebagai landasan (panduan) dalam menjalani kehidupan harian supaya tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Wanita Melayu yang Muslimah dan Mukminah akan taat kepada Allah SWT dengan melakukan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Oleh itu, wanita Melayu Islam akan memperoleh kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan daripada cerpen *Akar Cinta* seperti yang tertera di bawah:-

“Ini persoalan fikah, persoalan tauhid. Ibadat dan keimanan kita.”

(Aminah Mokhtar, 2009:98)

Aku memandang wajahnya, dengan hati terus meminta perlindungan Allah. *Subhanallah walhamdulillah wa lailaha illah, Allahuakbar.*

(Aminah Mokhtar, 2009:96)

"Puan, bacalah doa nabi Allah Yunus;
*Lailaha illallah anta. Subha naka inni kuntum
minazzolimin.*

(Aminah Mokhtar, 2009: 95)

Aminah Mokhtar memaparkan watak 'Aku' yang mempunyai perwatakan seorang wanita Melayu Islam yang mempunyai kekuatan spiritual/kerohanian serta memiliki peribadi yang cemerlang sebagai manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Ini terbukti apabila watak 'Aku' menjadikan syariat dan hukum-hakam Islam sebagai perjuangan untuk menangani kemungkaran yang menular di kalangan umat Islam. Watak 'Aku' menjadi ikon wanita Melayu Islam yang beriman, iaitu meneruskan hidup dengan berpegang kepada syariat Islam, mematuhi ajaran Tauhid serta memiliki akidah yang teguh. Sentiasa berzikir dan berserah kepada Allah SWT dalam sebarang situasi kerana mengakui kekuasaan Allah SWT mengatasi segala-galanya.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, watak 'Aku' dalam cerpen *Akar Cinta* karya Aminah Mokhtar menepati elemen-elemen yang terdapat dalam Konsep Feminisme Talbiah. Kupasan novel ini dilakukan merangkumi aspek luaran dan aspek dalaman daripada Konsep Feminisme Talbiah yang terdiri daripada; personaliti, ketakwaan, budaya, psikologi, dan spiritual/kerohanian. Ternyata terdapat keserasian dalam novel ini berkaitan watak wanita Melayu Islam serta pengkaryanya yang juga seorang wanita Melayu Islam dengan Konsep Feminisme Talbiah. Ginokritikan adalah pecahan daripada Teori Feminisme yang memperjuangkan nasib wanita di Barat. Ternyata ginokritikan yang merupakan kritikan sastera feminis yang didokong oleh

Barat tidak menepati kehendak masyarakat Melayu yang beragama Islam. Di samping itu, terdapat pertentangan yang begitu ketara dalam prinsip-prinsip Teori Feminisme dengan landasan kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam serta budaya masyarakat Melayu yang hidup bersendikan adat. Lukisan perwatakan wanita Melayu Islam dalam karya-karya penulis wanita Melayu Islam berlawanan dengan gambaran yang sering diberikan melalui kajian oleh sarjana Barat dengan menggunakan Teori Feminisme.

Lahirnya Konsep Feminisme Talbiah ini agar bertepatan dengan ajaran Islam kerana Islam agama yang sempurna. Oleh itu, kewujudan satu konsep yang menepati ciri-ciri seorang wanita Melayu yang beragama Islam selaras dengan al-Quran, Sunah Nabi Muhammad SAW serta pendapat ulama amat dialu-alukan. Maka, timbulah Konsep Feminisme Talbiah yang menggunakan Tauhid sebagai landasan utama kajian supaya bertepatan dengan landasan keislaman yang hakiki ke arah melahirkan wanita Melayu yang Muslimah dan Mukminah.

Perjuangan untuk mengangkat martabat wanita tidak pernah padam. Realitinya, perbincangan dan kupasan yang berkaitan dengan ruang lingkup wanita begitu luas terbentang. Hal ini bertepatan dengan peranan wanita itu merupakan aset dalam sesbuah negara. Rasid Muhammad (2010), menyebutkan...Islam telah mengangkat martabat wanita di mana mereka dianggap kelompok penting dalam masyarakat. Wanita tidak lagi dianggap sebagai warganegara kelas dua, tetapi setaraf dengan kaum lelaki. Malah, dalam hal-hal tertentu wanita dianggap lebih penting berbanding lelaki.

RUJUKAN

Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah. (2018). 'Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel 'Diari Seorang

- Jururawat' Karya Aminah Mokhtar'. *Journal of Nusantara Studies* 2018, Vol 3(2) 147-161.
- Abdul Halim Ali (2011). *Pengantar teori dan kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjong Malim: Penerbit Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Majid bin Abdullah (pntjh). (1999). *Pengertian Tauhid*. Cheras: Kuala Lumpur.
- Abd. Rahim Abd.Rashid. (2011). *Keterampilan Wanita Alaf Baharu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aminah Mokhtar. (2009). *Pelamin Embun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Haji Wahid & Fathin Noor Ain binti Ramli. (2017). Sastera Melayu Membina Teras Identiti Bangsa. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu* 2017, Jilid 5/JAN/2017.
- Fachruddin HS (pntjh). (2008). *Yusuf Al-Qaradawi-Iman dan Kehidupan*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah binti Kamarudin. (2017). Nilai Islam Dalam Teks Misa Melayu. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu* 2017, Jilid 5/JAN/2017.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Zaini Yahaya (pntjh). (2012). *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan: Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Muhd. Mansur Abdullah. (1998). *Komunikasi Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hussain Al-Zahabi (pntjh). (2006). *Darjat Wanita Dalam Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Rasid Muhamad. (2010). *Merintis Kecemerlangan Islam*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn.Bhd.

- Rosmawati bin Ali@MatZin. (2010). *Tauhid Kepada Allah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsudin A. Rahim. (1997). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsinar G.Ali. (2011). Berbahagialah Seorang Muslimah Sejati. Batu Caves: Selangor.
- Siti Hajar Che Man. (2007). *Esei-esei Kritikan Feminis Dalam Kesusastraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wong Soak Koon. Mac 1992. "Kritikan Sastera daripada Perspektif Feminisme: Dari Penjara Kebisuan ke Medan Kefasihan". *Dewan Sastera*, ms. 52-59.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2010). *Talbiah: Hikmah, Rahsia & Permasalahan Hukum*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.